

25 MAY 2002

Maulud-Rangkuman

TUANKU SYED SIRAJUDDIN KETUAI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Umat Islam di Malaysia hari ini merayakan hari keputeraan Nabi Muhammad SAW dengan acara sambutan peringkat kebangsaan dirasmikan di sini oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Seri Paduka menyertai ribuan rakyat yang memenuhi Stadium Putra di Kompleks Sukan Bukit Jalil untuk acara sambutan itu. Yang turut hadir Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ia dimulakan dengan perarakan dari padang letak kereta Stadium Hoki Nasional berhampiran ke Stadium Putra yang disertai kakitangan kerajaan dan swasta, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan, penuntut universiti dan maktab serta pelajar sekolah dari sekitar Lembah Klang.

Tuanku Syed Sirajuddin turut menyampaikan Anugerah Maulidur Rasul kepada lapan penerima termasuk dua bukan Islam. Mereka terdiri daripada anggota bomba, tentera, tokoh pendidik dan pengawal keselamatan yang memberikan pelbagai sumbangan kepada masyarakat.

Sambutan bertemakan "Bersama Hayati Keindahan Islam" itu disiarkan secara langsung oleh RTM.

Di SEREMBAN, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar, Undang Yang Empat dan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad merupakan antara 10,000 rakyat yang mengambil bahagian dalam perarakan Maulidur Rasul bermula di padang Majlis Perbandaran Seremban.

Dalam ucapannya, Tuanku Ja'afar menggesa rakyat menghayati hari bersejarah ini dengan mengamalkan ajaran Islam sejati.

Titah baginda, umat Islam perlu mendidik generasi muda supaya berpegang teguh kepada ajaran Islam dan meningkatkan ilmu dalam menghadapi cabaran masa kini.

Di KUANTAN, sambutan diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah yang dihadiri Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah.

Baginda bertitah sebarang masalah besar yang berlaku kepada umat Islam pada masa ini dapat dielakkan sekiranya mereka berpegang teguh kepada konsep persaudaraan sesama Islam.

Di MELAKA, hampir 9,000 umat Islam menyertai sambutan peringkat negeri yang dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin di Stadium Hang Tuah.

Syed Ahmad dan Ketua Menteri Datuk Seri Mohamed Ali Rustam kemudian menyertai perarakan sejauh tiga kilometer ke Masjid Negeri.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai berkata nikmat keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati sekarang seharusnya disyukuri oleh seluruh umat Islam di Malaysia.

Katanya keadaan aman yang wujud di negara ini jauh berbeza daripada keadaan di banyak negara lain yang masih belum menikmati keamanan sehinggakan apa jua usaha yang hendak dilakukan oleh orang Islam di negara berkenaan akan berhadapan dengan kesukaran.

"Kita harus bersyukur kerana keamanan dan kemakmuran negara kita telah membolehkan kita melaksanakan tanggungjawab kepada agama dengan begitu selesa," katanya pada majlis pelancaran sambutan Maulidul Rasul peringkat negeri di Dewan Saadah, Wisma Muis di sini.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin yang diiringi Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berangkat merasmikan

sambutan Maulidur Rasul di Stadium Negeri di sini.

Dalam titahnya, baginda mahu umat Islam kembali kepada ajaran Islam sebenar dengan menghayati kehidupan dan perjuangan Nabi Muhammad untuk menegakkan ugama Islam di tengah-tengah kejahilan manusia.

Di JOHOR BAHRU, Tengku Mahkota Johor hadir di Masjid Sultan Abu Bakar bagi merasmikan sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri yang antara lain dipenuhi dengan bacaan Al-Quran oleh hampir 10,000 jemaah yang hadir.

Ketika berucap pada majlis itu, Tengku Mahkota menasihatkan umat Islam supaya memelihara perpaduan di antara mereka bagi memastikan kekuatan umat dan agama tidak diganggu gugat.

Di ALOR SETAR, sambutan bermula petang semalam dengan perarakan 33 kontinjen terdiri dari jabatan kerajaan negeri dan persekutuan, pertubuhan sukarela dan swasta.

Upacara sambutan malam tadi diadakan di Masjid Zahir dengan dihadiri Sultan Kedah, Raja Muda Kedah, anggota exco kerajaan negeri dan pegawai-pegawai kerajaan.

Sultan Kedah bertitah teladan baik yang ditunjukkan oleh Rasulullah harus dipraktikkan secara berterusan dalam amalan seharian umat Islam sekarang.

"Dalam mengamalkan ajaran baginda umat Islam harus melaksanakannya secara berterusan, bukan setakat bermusim dan sambil lewa," titah baginda.

-- BERNAMA

MZM MAM LAT